



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

INISIATIF KAJIAN SEMULA KERANGKA PERUNDANGAN E-DAGANG

PETALING JAYA, 27 JUN 2024 – Hari ini saya telah merasmikan Majlis Penutup Shopee Seller Summit 2024 yang dianjurkan oleh Shopee Mobile Malaysia Sdn. Bhd. bertempat di Petaling Jaya, Selangor.

Bertemakan "*Beyond the Cart: Crafting Connections for Long Term Business Growth*", program ini bertujuan membuka peluang kepada para usahawan tempatan di bawah platform Shopee untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan perkembangan teknologi baru perniagaan atas talian melalui perkongsian amalan baik daripada peneraju perniagaan. *Shopee Seller Summit 2024* ini melibatkan penyertaan hampir 1,000 usahawan atas talian di platform Shopee daripada seluruh negara.

Selaras dengan tanggungjawab menjana pertumbuhan ekonomi domestik yang mampan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa komited menyokong inisiatif daripada pemain-pemain industri seperti Shopee Malaysia. Antaranya melalui agenda meningkatkan potensi dan daya saing usahawan tempatan, selain mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi domestik melalui platform digital yang sedang pesat berkembang.

Berdasarkan Laporan *Malaysia Digital Economy 2023* yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sektor e-dagang di Malaysia sedang berkembang dengan pesat. Pada tahun 2021, sektor e-dagang di Malaysia telah mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM1,037.2 billion dan telah meningkat sebanyak 6% kepada RM1,099.7 billion pada tahun 2022. Jumlah pendapatan ini telah melepasi angka satu trilion buat pertama kalinya sejak tahun 2021.

Kementerian menyedari bahawa perkembangan pesat sektor e-dagang ini juga telah mewujudkan cabaran yang besar kepada pemain industri dan juga pengguna khususnya. Sehingga 31 Mei 2024, kementerian telah menerima sebanyak 5,094 aduan pengguna berkaitan transaksi e-dagang daripada 19,937 keseluruhan aduan yang diterima sejak 1 Januari 2024. Aduan berkaitan transaksi atas talian ini merupakan aduan pengguna yang tertinggi atau 25% berbanding aduan lain yang dicatatkan oleh KPDN pada masa ini.

Sehubungan dengan itu, KPDN mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan semakan semula kerangka perundangan sedia ada seperti Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Peraturan Perlindungan Pengguna (Transaksi Perdagangan Elektronik) 2012 seiring dengan kemajuan dan perkembangan teknologi semasa. Usaha semakan semula kerangka perundangan sedia ada ini adalah selaras dengan hala tuju kerajaan di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, National E-Commerce Strategic Roadmap (NESR), Rancangan Malaysia Ke-12 dan Agenda Ekonomi MADANI.

KPDN sedang melaksanakan Kajian Semula Perundangan e-dagang bersama pasukan perunding pada bulan Mei 2024 dan dijangka selesai pada suku kedua tahun 2025. Satu kerangka perundangan baharu bagi mengawal selia sektor e-dagang dengan lebih berkesan dijangka akan diperkenalkan pada suku ketiga tahun 2025.

Usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif untuk melaksanakan reformasi undang-undang bagi memastikan satu kerangka perundangan e-dagang yang lebih komprehensif sejajar dengan perkembangan teknologi dan tuntutan semasa. Untuk itu, KPDN berharap semua pemain industri terutamanya di bawah sektor e-dagang memberikan pandangan dan saranan untuk menyokong inisiatif Kerajaan menyemak semula kerangka perundangan sedia ada dalam memastikan sektor ini terus memacu pertumbuhan ekonomi negara.

KPDN komited dan sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh pemain-pemain industri e-dagang di negara ini demi mewujudkan perdagangan dalam negeri yang sihat dan progresif serta mampu meningkatkan pendapatan rakyat dan negara.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###